

## Lebih 1,000 pengunjung saksikan gerhana bulan di pantai Tok Jembal


**KUALA NERUS** - Lebih 1,000 pengunjung membajiri kawasan pantai Tok Jembal, di sini, malam semalam, bagi melihat gerhana bulan penuh 'super blue blood moon' yang jarang-jarang dapat disaksikan itu.

Fenomena yang berlaku kira-kira satu jam itu mula kelihatan antara pukul 8.51 hingga 10.10 malam dengan jarak kedudukan bulan berada kira-kira 360,000 kilometer daripada bumi.

Bersempena dengan itu juga, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) melalui Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri) dengan kerjasama Uptown Kontena Dapo Pata, Tok Jembal tampil mengadakan Program Cerapan Gerhana Bulan Penuh.

Pengunjung turut diberi peluang melihat fenomena yang dikatakan berlaku sekali dalam tempoh 150 tahun itu melalui enam teleskop yang disediakan, sekali gus memberi pendedahan tentang fenomena sains kepada masyarakat.

Penyarah Eseri, Dr. Roslan Umar berkata, program yang julung kali diadakan di khalayak ramai itu bertujuan untuk memberi gambaran lebih jelas serta menggalakkan minat sains dalam kalangan masyarakat.



Pengunjung melihat gerhana bulan melalui teleskop yang disediakan.



Orang ramai memenuhi kawasan pantai Tok Jembal.

Dapo Pata, Tok Jembal, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan) Unisza, Prof Dr. Ir. R Badlishah Ahmad.

Sementara itu, seorang pengunjung, Ros Amira Farahana Mohd Khair, 27, mengakui teruja apabila berpeluang melihat dengan lebih jelas fenomena gerhana bulan itu.

Jelas penuntut Sarjana Perakaunan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu, dia mengetahui mengenai program cerap-

"Istimewanya juga kali ini kita pilih untuk adakan cerapan gerhana bulan penuh di tepi pantai yang semanganya sering menjadi tumpuan ramai ini.

"Kawasan pantai yang berada pada kedudukan 30 darjah juga turut membolehkan fenomena itu dapat dilihat dengan lebih jelas.

"Pada malam ini kita dapat lihat gerhana bulan penuh berwarna merah dalam tempoh dua hingga tiga minit sahaja walaupun keadaan cuaca baik berikutnya ditutupi awan tebal," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Uptown Kontena

an berkenaan melalui salah seorang rakaninya.

"Sebaik mengetahui adanya program cerapan ini saya terus tidak lepaskan peluang untuk datang dan ternyata ia sangat menarik.

"Apabila diberi kesempatan sebegini ia juga turut memberi keinsafan kepada kita tentang kebesaran Allah SWT," katanya.

Bagi Amirul Hakimi A. Rahman, 24, pula sebelum ini dia mengetahui mengenai gerhana bulan itu melalui bacaan di internet sahaja.

"Alhamdulillah tahun ini saya berpeluang melihatnya sendiri.

"Program yang dilaksanakan oleh Unisza ini sangat baik kepada masyarakat dalam menambahkan ilmu pengetahuan masing-masing" katanya.

Manakala bagi Muhammad Adwa Nufael Jasmi, 11, melalui pengalaman cerapan gerhana bulan itu, dia dapat menambah ilmu yang sebelum ini hanya dipelajari dalam kelas.

"Sangat seronok kerana berpeluang melihat sendiri fenomena ini dan ia membantu saya memahami lebih jelas pelajaran sains di sekolah," katanya.